

THE IMPLICATION OF THE IMPLEMENTATION OF MEANINGFUL LEARNING PEDAGOGICAL CAPACITY ON STRENGTHENING THE LEADERSHIP OF STUDENT TEACHERS

Narita Mohd Noor¹, Rosmani Ali², Hamidi Salleh³, Tengku Norazlan Tengku Sulaiman⁴,
Yusalina Yusof⁵

^{1,2,3,4,5} IPG Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Nerus Terengganu

Keywords:

Pedagogical Capacity of Meaningful Learning, Strengthening Leadership, Knowledge, Skills, Action.

***Correspondence Address:**

narita@ipgm.edu.my

Abstract: The Pedagogical Capacity for Meaningful Learning (KPPB) is a new approach in the teaching and learning process that is relevant in today's global education. Meaningful learning occurs when students use content knowledge and skills to explore and create new knowledge and skills that can be used to solve problems in life. Therefore, this study was carried out to identify the implications of the implementation of KPPB on strengthening the leadership of student teachers from the aspects of knowledge, skills and actions. This study was conducted on a group of student teachers in their final year of study for the Bachelor's Degree Program at the Dato' Razali Ismail Campus Teacher Education Institution, Terengganu. The study is quantitative using a simple random sampling method. A total of 130 respondents out of 180 student teachers in their final year of study have answered the research questionnaire online. The study data was analyzed descriptively using SPSS software version 22. The findings of the study show that the implications of KPPB implementation on the strengthening of student teachers' leadership are at a high level with a mean value almost equal. The three aspects that were studied, namely knowledge obtained a mean of 8.08, the skill aspect with a mean of 8.10 and the action aspect with a mean of 7.95. This finding proves that the implementation of KPPB in the teaching and learning process is able to have a high impact on strengthening the leadership of student teachers. With that, the Malaysian Ministry of Education's efforts to realize quality education towards student achievement can be achieved by implementing a new approach in the teaching and learning process.

INTRODUCTION

Program Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) merupakan inisiatif Institut Pendidikan Guru (IPG) yang diadakan selaras dengan anjakan keempat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 yang telah meletakkan usaha mentransformasi profesion keguruan, meningkatkan kualiti pensyarah dan guru pelatih. Program Deep Learning (DL) yang diinspirasikan oleh McEachen, Quinn dan

Fullan (2017) dan diadaptasi dengan menggunakan acuan IPGM diharapkan dapat memberi dampak terhadap kualiti guru yang merupakan faktor utama penentu keberhasilan murid seperti yang digariskan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KPPB mencerminkan pendekatan yang berbeza untuk mengajar, belajar, dan mentaksir secara menyeluruh dan holistik sambil menghasilkan perkara yang relevan dengan dunia di sekeliling kita.

Sesuatu pembelajaran akan memberi makna kepada pelajar apabila kemahiran khusus diberi penekanan kepada penyelesaian masalah yang kompleks, kecerdasan emosi dan kognitif (Fullan dan Langworthy 2014). Pembelajaran bermakna juga memberi perhatian kepada pembelajaran global yang memerlukan pelajar menguasai pelbagai ilmu dan kemahiran yang boleh diaplikasi dalam menyelesaikan cabaran dalam kehidupan sebenar. Dengan pengetahuan dan kemahiran baharu yang diperoleh tersebut diharapkan pelajar berupaya menggunakannya untuk membina peradaban dan kemampuan negara di masa akan datang.

LATAR BELAKANG

Pembelajaran bermakna ialah apabila pelajar menggunakan pengetahuan dan kemahiran isi kandungan untuk meneroka dan mencipta pengetahuan dan kemahiran yang baharu. Dengan pengetahuan dan kemahiran baharu yang diperoleh tersebut, pelajar menggunakannya untuk menyelesaikan masalah didalam kehidupan. Di IPG pelaksanaan KPPB adalah bergantung kepada kesesuaian kursus untuk setiap program. Hal ini melibatkan penggabungan yang bersifat interdisiplin atau intradisiplin. Contohnya beberapa kursus seperti Asas Pendidikan, Bahasa Melayu, Pendidikan Islam dan TESL digabungkan melalui RMK dan sudah dikenal pasti hasil pembelajaran kursus atau Course Learning Outcome (CLO). Keadaan ini membolehkan pelaksanaan KPPB adalah secara interdisiplin. Hasil daripada gabungan beberapa kursus ini, satu pemahaman terhasil dan The Big Idea dikenal pasti.

Dengan pengetahuan dan kemahiran baharu yang diperoleh tersebut, pelajar menggunakannya untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan. Pembelajaran akan lebih bermakna kepada pelajar, sekiranya pelajar dapat memahami, menguasai dan memanfaatkan ilmu yang diperoleh dalam dunia sebenar (Lynch & McNamara 2012; Viczko & Tascon 2016). Fullan & Langworthy (2014) menyatakan matlamat pembelajaran bermakna berhasrat melahirkan pelajar yang akan memperoleh kecekapan dan kecenderungan yang akan menyediakan mereka untuk menjadi kreatif, berhubung dan bekerjasama sepanjang hayat dalam menyelesaikan masalah serta menjadi insan yang sihat, holistik yang bukan sahaja menyumbang tetapi juga mencipta kebaikan bersama dalam dunia berasaskan pengetahuan, kreatif dan saling bergantung pada masa kini.

IPGM yang menggunakan pendekatan KPPB bagi pemerolehan pembelajaran bermakna, terlebih dahulu memberi pendedahan kepada bakal guru bagi membantu mereka menguasai pendekatan kaedah yang dicadangkan. Menurut Lynch & McNamara (2012), bakal guru dan pelajar perlu didedahkan dengan pengalaman pembelajaran bermakna agar mereka dapat menjadi pendidik yang kompeten pada masa depan. Bagi menguasai pembelajaran bermakna ini, pelajar perlu menguasai sahsiah terpuji, komunikasi, kolaborasi, kewarganegaraan, pemikiran kritikal dan mempunyai kreativiti dan inovasi serta boleh memanfaatkan kemahiran digital untuk tujuan pembelajaran. Bakal guru perlu diberi pendedahan agar mereka berpengalaman dan mempunyai kemahiran yang diperlukan dalam KPPB (Fullan & Langworthy 2013).

PENYATAAN MASALAH

Penguasaan Kemahiran 6C dalam kalangan guru novis adalah sangat diperlukan untuk menjadi guru yang kompeten. Bagi siswa guru, penguasaan elemen 6C akan menyumbang kepada matlamat aspirasi transformasi pendidikan di Malaysia selain daripada dapat melahirkan warga global yang komited, cemerlang dan seimbang (Ellyza et.al 2021). Guru-guru di negara ini perlu mempunyai karakter guru yang memenuhi keperluan pendidikan abad 21 dan era Revolusi Industri 4.0. Berdasarkan misi IPGM, guru yang ingin dihasilkan oleh IPGM hendaklah kompeten dan berjiwa pendidik yang dapat dibangunkan melalui program-program pembangunan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia dan misi ini didapati selari dengan strategi KPPB yang diperkenalkan.

Walau bagaimanapun siswa guru didapati kurang bersedia untuk mengharungi cabaran kehidupan sebenar khususnya dalam aspek kepimpinan. Hal ini telah memberi kesan terhadap beban kerja, keyakinan dan penampilan serta boleh mewujudkan konflik sesama rakan sekerja (Layang & Jamaludin 2018; Tengku Sarina Aini & Fatimah Shahida 2018). Siswa guru juga didapati masih belum mencapai tahap kompetensi kepimpinan yang optimum. Amalan kepimpinan masih terdapat kelemahan yang boleh dipertingkatkan.

Justeru, melahirkan siswa guru yang kompeten dan seimbang dalam semua aspek sangat penting untuk menyediakan mereka agar lebih bersedia menghadapi tekanan kerja dan cabaran abad ke 21. Pendekatan KPPB ini menggalakkan pembelajaran aktif agar siswa guru lebih bertanggungjawab dan berupaya menghayati jiwa kepimpinan. Pemahaman siswa guru terhadap pelaksanaan KPPB juga perlu diperkasa agar mereka mendapat satu kefahaman yang jelas cara untuk melaksanakan KPPB agar memberi nilai tambah kepada pembelajaran yang lebih bermakna dan dapat mengamalkan sebagai satu budaya dalam perkhidmatan yang cemerlang.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji implikasi pelaksanaan Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna terhadap pementapan kepimpinan siswa guru tahun akhir pengajian Program Ijazah Sarjana Muda IPG Kampus Dato' Razali Ismail dari aspek pengetahuan, kemahiran dan tindakan.

SOALAN KAJIAN:

Soalan kajian ini adalah Apakah tahap implikasi pelaksanaan Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna terhadap pementapan kepimpinan siswa guru tahun akhir pengajian Program Ijazah Sarjana Muda IPG Kampus Dato' Razali Ismail dari aspek pengetahuan, kemahiran dan tindakan?

BATASAN KAJIAN:

Kajian ini hanya dijalankan di Institusi Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu, Terengganu sahaja. Kajian ini menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan data-data bagi menjawab persoalan kajian. Sehubungan itu, jawapan yang diperoleh adalah bergantung sepenuhnya kepada kejujuran dan keikhlasan yang diberikan pada masa itu. Aspek-aspek lain seperti kematangan, emosi, latar belakang persekitaran tidak diambil kira kecuali ciri-ciri yang telah dinyatakan dalam

kajian.

Kajian ini juga hanya mengkaji implikasi pelaksanaan kapasiti pedagogi pembelajaran bermakna terhadap pemantapan kepimpinan pelajar Program Ijazah Sarjana Muda sahaja dan tidak melibatkan pelajar program lain.

DEFINIS OPERASIONAL:

Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) yang digunakan oleh IPGM merujuk kepada konsep New Pedagogical for Deep Learning (NPDL) yang diperkenalkan oleh Fullan & Langworthy (2014). Model KPPB IPGM terdiri daripada beberapa komponen pengajaran dan pembelajaran iaitu Kejelasan Guru, Model Pembelajaran Murid (MPP), Penguasaan kemahiran 6C, Model Reka bentuk Pengajaran, Elemen 3E (Engagement, Enhancement, Extension) serta Elemen 3R (Rigor, Relevance dan Relationship).

SOROTAN LITERATUR

Revolusi dalam pendidikan global turut memberikan impak dalam sistem pendidikan Malaysia iaitu guru perlu mengubah kaedah pembelajaran tradisional kepada kaedah yang lebih agresif iaitu pembelajaran inkuiri berpusatkan pelajar. Kajian oleh Lili Dong (2020) menjelaskan bahawa gaya pembelajaran pelajar telah berubah mengikut peredaran zaman menjadikan perkembangan pendidikan terkini memerlukan pelajar terlibat secara aktif dalam PdP dan pembelajaran mesti memberi makna dan manfaat kepada mereka. Pembelajaran bermakna menjadi topik hangat apabila membincangkan mengenai pembaharuan dalam pendidikan global. O'Brien dan Murray (2015) juga ada membincangkan bahawa pembelajaran yang bermakna seperti inkuiri menjadi tunjang kepada pembelajaran berasaskan pedagogi baharu yang dapat menyumbang kepada peningkatan kreativiti dan inovasi. Guru perlu mengetahui kaedah melaksanakan elemen pembelajaran berasaskan pedagogi terkini bagi memperkasakan pelbagai kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar (Bilal Khalid Khalaf, 2018).

Kajian oleh Mashira Yahaya et al. (2019) pula membincangkan bahawa para guru itu harus berperanan untuk mempersiapkan murid dengan segala kemahiran abad ke-21 dan ilmu pengetahuan agar mereka dapat mendepani cabaran dalam dunia pekerjaan kelak. Penekanan untuk menguasai kemahiran abad ke-21 haruslah bermula dengan menerapkan pelbagai kemahiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penegasan yang sama ditemui dalam artikel Nurmelda dan Roslinda (2020) yang mendakwa penguasaan pengetahuan kandungan guru sahaja tidak cukup bahkan guru juga perlu melengkapkan pengetahuan tentang pedagogi baharu dalam menerapkan elemen insaniah terutama yang bercirikan kepimpinan.

Di samping itu, kajian oleh Min & Mohammad Tahir (2020) turut menjelaskana bahawa guru masih memerlukan masa untuk mempertimbangkan, membincangkan, mempraktikkan dan merenungkan perubahan dalam amalan pedagogi untuk menerapkan amalan elemen insaniah baharu. Komitmen yang pelbagai di sekolah juga menjadikan guru kurang bermotivasi mudah berputus asa serta kurang berusaha menerapkan elemen-elemen pengajaran seperti kemahiran insaniah dan KBAT pada kekerapan yang sepatutnya. Pelaksanaan elemen sebegini amat bergantung kepada kesediaan guru (Bernard Tahim et al., 2021). Dengan ini, faktor kurangnya integrasi kemahiran elemen yang merentasi kurikulum pastinya akan menyebabkan murid masih lagi belum mencapai tahap yang baik dan hasrat pendidikan untuk melahirkan warganegara abad ke-21 yang

berkepimpinan, berketrampilan dengan sifat resilient yang dapat menyatukan pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap secara holistik akan sukar dicapai.

Penekanan terhadap pembelajaran yang bermakna juga diberi perhatian oleh para pengkaji supaya pelajar dapat memahami, menguasai dan memanfaatkan ilmu yang diperoleh dalam dunia sebenar (Fullan & Langworthy 2014; Lynch & McNamara 2012; Viczko & Tascon 2016). Malahan Fullan & Langworthy (2014) menyatakan bahawa matlamat pembelajaran bermakna adalah melahirkan pelajar yang akan memperoleh kecekapan dan kecenderungan yang akan menyediakan mereka untuk menjadi kreatif. Di samping itu para pelajar juga dapat saling berhubung dan bekerjasama sepanjang hayat dalam menyelesaikan masalah secara holistik. Pelajar juga berjaya mencipta kebaikan bersama dalam dunia berasaskan pengetahuan dan nilai kreatif. Bagi mencapai matlamat pembelajaran bermakna, satu pedagogi yang membolehkan pelajar mengorganisasikan pembelajaran sendiri secara berkesan agar dapat diaplikasikan dalam dunia sebenar (Fullan & Langworthy 2014).

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini dijalankan secara kajian kuantitatif berbentuk deskriptif yang dijalankan secara tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik secara dalam talian. Menurut Cresswell (2014), penyelidikan deskriptif digunakan untuk mendapat maklumat mengenai sesuatu peristiwa yang sedang berlaku. Pemilihan lokasi bagi kajian ini adalah di Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail (IPGKDRI). Populasi sasaran kajian ini terdiri daripada semua siswa guru tahun akhir pengajian Program Ijazah Sarjana Muda di IPG berkenaan seramai 180 orang. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan kaedah persampelan rawak mudah supaya setiap individu mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel yang mewakili populasi kajian. Sampel bagi kajian ini adalah seramai 130 responden iaitu sebanyak 72.2 % daripada jumlah keseluruhan siswa guru tahun akhir pengajian yang menjawab soal selidik kajian secara dalam talian.


Pembinaan instrumen kajian dibina sendiri oleh kumpulan pengkaji berdasarkan sumber literatur. Soal selidik dalam kajian ini menggunakan skala Likert mata 10, di mana (1) sebagai Sangat Tidak Setuju (STS) dan (10) sebagai Sangat Setuju (SS). Pemilihan skala Likert mata 10 berdasarkan pandangan Li (2013) yang menegaskan bahawa soal selidik yang baik memberi kebebasan dan pilihan yang lebih banyak kepada responden dalam membuat keputusan. Dengan pemilihan skala yang lebih banyak memberi peluang justifikasi pemilihan yang lebih tepat untuk responden menjawab. Nilai Cronbh's Alpha bagi kajian ini ada 0.99. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS Versi 22. Interpretasi skor min mengikut pandangan Li (2013).

DAPATAN KAJIAN

Analisis bahagian ini adalah berkaitan maklumat demografi iaitu jantina dan bidang pengajian responden.

Carta 1

Taburan Responden Mengikut Jantina dan Bidang Pengajian.



Carta 1 menunjukkan seramai 130 responden telah menjawab soal selidik kajian yang terdiri daripada 66.9% perempuan dan 33.1% lelaki. Responden adalah daripada pelbagai bidang pengajian iaitu TESL (13.8%), Pendidikan Agama Islam (63.8%) dan Bahasa Melayu (22.4%)

Tahap Implikasi Pelaksanaan Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) Terhadap Pemantapan Kepimpinan Siswa Guru Dari Aspek Pengetahuan.

Dapatan berkaitan tahap implikasi pelaksanaan KPPB terhadap pemantapan kepimpinan responden dari aspek pengetahuan ditunjukkan dalam Jadual 2. Jadual 2 menunjukkan tahap implikasi pelaksanaan KPPB terhadap pemantapan kepimpinan siswa guru tahun akhir pengajian bagi program PISMP di IPG Kampus Dato’ Razali Ismail, Kuala Nerus Terengganu dari aspek pengetahuan adalah tinggi dengan min keseluruhan 8.09 dan sisihan piawai 1.56. Tahap implikasi bagi semua item aspek pengetahuan juga berada di tahap tinggi.

Jadual 2

Min Tahap Implikasi Pelaksanaan KPPB Terhadap Pemantapan Kepimpinan Siswa Guru Dari Aspek Pengetahuan

Item	Min	Tahap
a) Saya menjadi seorang yang lebih berilmu apabila melaksanakan KPPB.	8.07	Tinggi
b) Saya menjadi seorang yang lebih berilmu apabila melaksanakan KPPB.	8.08	Tinggi
c) Elemen KPPB dapat menambah pengetahuan saya dengan lebih mendalam terhadap bidang yang dipelajari.	8.21	Tinggi
d) Pelaksanaan KPPB dapat mempertingkatkan pengetahuan saya untuk mengurus aktiviti dengan berkesan.	7.96	Tinggi
e) Pelaksanaan KPPB dapat menambah pengetahuan saya dari aspek pedagogi.	8.25	Tinggi
f) Pelaksanaan KPPB dapat meningkatkan pengetahuan psikologi saya.	7.88	Tinggi
g) Elemen KPPB dapat mempertingkatkan pengetahuan komunikasi saya.	8.15	Tinggi
h) Pelaksanaan KPPB dapat meningkatkan pengetahuan saya untuk berinteraksi dengan orang lain.	8.23	Tinggi

i) Pelaksanaan KPPB berjaya meningkatkan pengetahuan saya dari aspek kreativiti.	8.17	Tinggi
Keseluruhan	8.09	Tinggi

Secara keseluruhannya item aspek pengetahuan memaparkan nilai min yang hampir setara iaitu antara 7.88 dan 8.35. Min tertinggi adalah bagi item “Pelaksanaan KPPB dapat menambah pengetahuan saya dari aspek pedagogi” iaitu 8.25. Seterusnya diikuti item “Pelaksanaan KPPB dapat meningkatkan pengetahuan saya untuk berinteraksi dengan orang lain” dengan min 8.23. Dapatan ini menunjukkan pelaksanaan KPPB melalui aktiviti-aktiviti PdP yang menyeronokkan berupaya meningkatkan pengetahuan kepimpinan pelajar apabila mereka memahami dan menguasai aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan oleh para pensyarah.

Manakala item yang mempunyai nilai min terendah adalah “Pelaksanaan KPPB dapat meningkatkan pengetahuan psikologi saya” iaitu 7.88. Item yang mempunyai min kedua terendah adalah “Pelaksanaan KPPB dapat mempertingkatkan pengetahuan saya untuk mengurus aktiviti dengan berkesan” dengan nilai min 7.96. Data kajian ini menunjukkan pelaksanaan KPPB masih memberi pengetahuan yang boleh dipertingkatkan dari segi psikologi pelajar dan pengetahuan untuk mengurus aktiviti dengan berkesan. Walau bagaimanapun, min yang diperoleh masih berada pada tahap tinggi.

Tahap Implikasi Pelaksanaan Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) Terhadap Pemantapan Kepimpinan Siswa Guru Dari Aspek Kemahiran.

Jadual 3 adalah berkaitan dapatan tahap implikasi pelaksanaan KPPB terhadap pemantapan kepimpinan siswa guru dari aspek kemahiran. Elemen kemahiran yang dikaji lebih berfokus berkenaan komunikasi, ICT, kreativiti dan pengurusan aktiviti.

Jadual 3

Min Tahap Implikasi Pelaksanaan KPPB Terhadap Pemantapan Kepimpinan Siswa Guru Dari Aspek Kemahiran

Item	Min	Tahap
a) Apabila melaksanakan KPPB berupaya meningkatkan kemahiran saya untuk mempengaruhi orang lain.	7.88	Tinggi
b) Pelaksanaan KPPB berjaya meningkatkan kemahiran saya untuk merancang aktiviti dengan berkesan.	8.18	Tinggi
c) Pelaksanaan KPPB berjaya mempertingkatkan kemahiran saya untuk mengurus sesuatu aktiviti dengan cemerlang.	8.10	Tinggi
d) Saya berjaya meningkatkan kemahiran untuk membina hubungan yang lebih baik dengan orang lain setelah melaksanakan KPPB.	8.13	Tinggi
e) Elemen KPPB berjaya meningkatkan kemahiran saya untuk memberi dorongan kepada orang lain.	7.95	Tinggi
f) Elemen KPPB amat berjaya meningkatkan kemahiran saya untuk membina matlamat sesuatu aktiviti yang akan dilaksanakan.	8.05	Tinggi

g) Pelaksanaan KPPB berjaya memperkasakan kemahiran ICT saya.	8.35	Tinggi
h) Elemen KPPB berupaya meningkatkan kemahiran saya untuk berfikir secara kreatif dan kritis.	8.21	Tinggi
Keseluruhan	8.10	Tinggi

Berdasarkan jadual 3, secara keseluruhannya tahap implikasi pelaksanaan KPPB terhadap pemantapan kepimpinan siswa guru dari aspek kemahiran adalah tinggi dengan min 8.10 dan sisihan piawai 1.49. Keseluruhan item menunjukkan nilai min yang hampir setara. Item “Pelaksanaan KPPB berjaya memperkasakan kemahiran ICT saya” beroleh min tertinggi dengan nilai min 8.35 dan sisihan piawai 1.58. Seterusnya diikuti item “Elemen KPPB berupaya meningkatkan kemahiran saya untuk berfikir secara kreatif dan kritis.” Dengan min 8.21 dan sisihan piawai 1.55. Dapatan ini menunjukkan pembelajaran secara KPPB menjadikan pelajar mempunyai pemantapan kepimpinan dari aspek kemahiran ICT dan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis.

Bagi item yang mempunyai nilai min terendah adalah “Apabila melaksanakan KPPB berupaya meningkatkan kemahiran saya untuk mempengaruhi orang lain” iaitu 7.88 dan sisihan piawai 1.67. Item kedua terendah adalah “Elemen KPPB berjaya meningkatkan kemahiran saya untuk memberi dorongan kepada orang lain” iaitu 7.95 dan sisihan piawai 1.69. Kedua-dua item ini menunjukkan pelaksanaan KPPB kepada para ssiwa guru berjaya memantapkan kepimpinan mereka namun masih boleh diperbaiki dari aspek komunikasi dengan orang lain

Tahap Implikasi Pelaksanaan Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna Terhadap Pemantapan Kepimpinan Siswa Guru Dari Aspek Tindakan.

Dapatan berkaitan tahap implikasi pelaksanaan KPPB terhadap pemantapan kepimpinan siswa guru dari aspek tindakan adalah sebagaimana pada jadual 4. Aspek tindakan yang dikaji melalui pelaksanaan KPPB ini adalah keyakinan, penampilan dan kesediaan untuk menghadapi risiko serta menerima perubahan.

Jadual 4

Min Tahap Implikasi Pelaksanaan KPPB Terhadap Pemantapan Kepimpinan Siswa Guru Dari Aspek Tindakan.

Item	Min	Tahap
a) Setelah melaksanakan KPPB saya lebih berkeyakinan untuk membuat keputusan.	8.03	Tinggi
b) Pelaksanaan KPPB berjaya menjadikan saya seorang yang dikagumi.	7.59	Tinggi
c) Saya dapat melakukan perubahan dengan berkesan setelah melaksanakan KPPB.	8.00	Tinggi
d) Pengalaman melaksanakan KPPB menjadikan saya seorang yang sentiasa bersedia untuk menerima sebarang tugas yang diberikan.	8.15	Tinggi
e) Pelaksanaan KPPB menjadikan saya seorang yang berani menerima sebarang risiko.	7.90	Tinggi
f) Elemen KPPB dapat memperkasakan jiwa saya untuk menghadapi sebarang cabaran.	7.96	Tinggi
g) Pelaksanaan KPPB berjaya membina penampilan saya yang terbaik.	8.03	Tinggi
Keseluruhan	7.95	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan dapatan min dan sisihan piawai keseluruhan item bagi aspek tindakan iaitu 7.95 dan sisihan piawai 1.58. Oleh itu tahap implikasi pelaksanaan KPPB terhadap pementapan kepimpinan siswa guru dari aspek tindakan berada pada tahap tinggi. Item “Pengalaman melaksanakan KPPB menjadikan saya seorang yang sentiasa bersedia untuk menerima sebarang tugas yang diberikan” berada pada min yang paling tinggi iaitu 8.15, diikuti dengan item “Setelah melaksanakan KPPB saya lebih berkeyakinan untuk membuat keputusan” dan item “Pelaksanaan KPPB berjaya membina penampilan saya yang terbaik” iaitu min 8.03. Kedua-dua item ini melihat kepada pendekatan KPPB yang berupaya meningkatkan kepimpinan siswa guru dari aspek keyakinan dan penampilan. Para siswa guru yang dikaji juga pementapan kepimpinan yang tinggi dari aspek melakukan perubahan yang berkesan iaitu dengan nilai min 8.00 dan sisihan piawai 1.73.

Manakala item yang mempunyai nilai min terendah adalah “Pelaksanaan KPPB berjaya menjadikan saya seorang yang dikagumi” iaitu 7.59 dan sisihan piawai 1.93. Seterusnya diikuti oleh item “Pelaksanaan KPPB menjadikan saya seorang yang berani menerima sebarang risiko” dengan nilai min 7.90 dan sisihan piawai 1.74. Item “Elemen KPPB dapat memperkasakan jiwa saya untuk menghadapi sebarang cabaran” juga menunjukkan min yang hampir setara iaitu 7.96 dan sisihan piawai 1.71. Pelaksanaan KPPB umumnya berada di tahap tinggi dan berjaya memantapkan kepimpinan siswa guru dari aspek penampilan serta keberanian untuk menghadapi risiko namun elemen ini masih boleh dipertingkatkan.

PERBINCANGAN

Pembudayaan KPPB berjaya menerapkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari untuk mencipta pengetahuan baharu bagi menyelesaikan masalah yang wujud dalam kehidupan harian pelajar di IPG. Aspek ini jelas berlaku pada siswa guru tahun akhir sesi pengajian di IPGKDRI yang bertindak menggunakan rangsangan dan peluang yang ada dalam konteks pembelajaran mereka untuk mengaplikasikan pementapan kemahiran kepimpinan apabila menjalankan tugas.

Berdasarkan dapatan yang diperoleh dari kajian ini menunjukkan bahawa tahap implikasi pelaksanaan KPPB terhadap pementapan kepimpinan siswa guru bagi ketiga-tiga aspek yang dikaji adalah berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini menunjukkan kemenjadian siswa guru khususnya dari aspek kepimpinan dapat dipertingkatkan melalui suatu persekitaran pembelajaran yang baru serta terkini iaitu pembelajaran bermakna KPPB. Aspek kepimpinan merupakan antara elemen penting yang perlu dikembangkan kepada para siswa guru terutama menjelang akhir pengajian agar mereka dapat menyesuaikan diri dengan keperluan apabila berkhidmat di sekolah kelak.

Perbincangan bagi setiap konstruk daripada kajian ini menjelaskan tentang implikasi pendekatan baharu ini terhadap aspek kepimpinan para siswa guru. Dengan melaksanakan KPPB para siswa guru dapat memperkasakan pementapan kepimpinan pengetahuan mereka terutama dari aspek komunikasi dan pengurusan aktiviti. Siswa guru mendapat pengetahuan yang lebih mendalam melalui KPPB apabila mereka dapat meneroka dan mencipta pengetahuan baharu terhadap elemen kepimpinan. Fullan & Langworthy (2014) menjelaskan bahawa Model Pembelajaran Murid dalam KPPB menekankan penglibatan siswa guru secara bermakna sebagai rakan pembelajaran (co-designers & co-learners). Melalui model ini, siswa guru berupaya menunjukkan rasa

tanggungjawab terhadap pembelajaran dan memahami proses pembelajaran secara keseluruhannya. Siswa guru juga sangat bersetuju dengan pelaksanaan KPPB kerana ia dapat memantapkan pengetahuan kepimpinan mereka. Dapatan ini seiring dengan tujuan pelaksanaan KPPB supaya aspirasi siswa guru dapat dipertingkatkan di mana mereka dapat membuat jangkaan terhadap pencapaian pemantapan diri sendiri dan menerima pandangan orang lain bagi pembangunan diri. Setiap siswa guru diberi dorongan sepenuhnya dalam mencapai hasrat pembelajaran dan kriteria kejayaan masing-masing (Fullan & Langworthy, 2014; McEachen, J.,2017).

Seterusnya, bagi konstruk kemahiran pula memperlihatkan pemantapan kepimpinan siswa guru yang tinggi terutama dari aspek elemen kemahiran kritis dan kreatif serta kemahiran ICT. Dalam KPPB, model pembelajaran pelajar dibentuk berdasarkan tiga asas utama iaitu perhubungan, belajar cara belajar dan aspirasi yang dapat memperkukuhkan kemahiran kritis dan kreatif. Aspek perhubungan merujuk kepada asas komunikasi yang penting bagi semua manusia yang sentiasa memerlukan tujuan dan makna dalam hubungan dengan orang lain. Belajar cara belajar memberi penekanan kepada tanggungjawab pelajar terhadap pembelajaran dan pemahaman terhadap proses pembelajaran. Pedagogi masa kini memberi fokus kepada pembelajaran berpusatkan pelajar yang melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Zaharuddin & Salma (2020) dan Ellyza dan rakan-rakan (2020) bahawa pembelajaran berpusatkan pelajar melibatkan pelajar membuat pilihan dan mengawal pembelajaran mereka sendiri, memupuk pembudayaan kepimpinan aras tinggi serta mewujudkan kerjasama antara pelajar.

Di samping itu, dengan memiliki pemikiran yang kritis dan kreatif dapat menjana kepimpinan siswa guru untuk merekabentuk dan mengurus projek, menyelesaikan masalah, membuat keputusan yang berkesan menggunakan pelbagai alat dan sumber digital. Pembelajaran menjadi lebih bermakna apabila pelajar dapat berfikir secara lebih kritis. Seseorang yang mempunyai pemikiran yang kritis boleh membuat sesuatu keputusan dan menyelesaikan masalah yang lebih baik berdasarkan justifikasi dan rasional terhadap sesuatu perkara. Dapatan ini adalah selari dengan kajian Ellyza (2020) yang turut menjelaskan bahawa pemikiran kritikal penting untuk menghasilkan sesuatu idea atau ciptaan yang lebih kreatif dan mengaplikasikan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran secara lebih praktikal.

Malahan berdasarkan kepada elemen pemanfaatan digital dalam KPPB sangat penting untuk merangsang minat dan tumpuan siswa guru terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang bermakna. Seiring dengan kenyataan oleh Fullan & Langworthy (2014) bahawa, bagi menggalakkan pembelajaran aktif, individu siswa guru mesti diberi ruang dan peluang dalam meneroka ilmu pengetahuan dan kemahiran secara meluas pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Justeru melalui KPPB, siswa guru tidak lagi terikat dengan hanya menggunakan bahan pembelajaran yang diberi oleh pensyarah dan had masa pembelajaran, tetapi siswa guru mempunyai ruang sosial yang luas dalam pembelajaran melalui pelbagai media teknologi digital. Bukan hanya pensyarah sahaja yang dianggap sebagai rakan pembelajaran, malah kerjasama daripada rakan pembelajaran lain seperti ibu bapa, masyarakat dan pakar-pakar juga penting bagi mendorong siswa guru mendapatkan pandangan, nasihat, ilmu dan pengalaman baharu sama ada secara bersua fizikal atau secara maya. Seperti mana yang diperjelaskan juga oleh kajian Zhaffar dan rakan-rakan (2022) bahawa apabila ada kerjasama pembelajaran dari pelbagai pihak atau agensi, maka pengaplikasian elemen kepimpinan iaitu antaranya aspek kolaboratif dan komunikasi telah dilaksanakan oleh siswa guru dengan berkesan.

Di samping itu, hasil kajian ini juga telah membuktikan bahawa pelaksanaan KPPB dalam proses pengajaran dan pembelajaran telah memberi implikasi yang tinggi dari aspek tindakan para siswa guru iaitu kesediaan menghadapi perubahan dan menanggung risiko, berkeyakinan dan mempunyai kesediaan yang tinggi dalam melaksanakan sesuatu tindakan. Siswa guru menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap pembelajaran dan sentiasa bersedia untuk melaksanakan tugas dan projek KPPB. Semangat dan kemahuan siswa guru adalah didorong oleh semua rakan pembelajaran yang mempunyai hasrat dan matlamat yang sama. KPPB mampu membawa siswa guru kepada pencapaian tahap pementapan kepimpinan yang tinggi khususnya. Dapatan yang diperoleh ini juga selari dengan kajian oleh Ahmad et. al., (2019) bahawa pendekatan baharu mampu menghasilkan siswa guru yang lebih matang dalam kepimpinan, berkomunikasi dan membentuk watak, fikiran dan perasaan berdasarkan prinsip-prinsip, kekuatan moral dan integriti.

Pelaksanaan KPPB dapat menerapkan elemen pendidikan karakter iaitu sifat kejujuran, pengawalan diri dan tanggungjawab, kerja keras, ketabahan, empati, keyakinan diri, kesihatan dan kesejahteraan diri, kerjaya dan kemahiran hidup. Pendidikan karakter penting untuk memupuk nilai-nilai-nilai moral yang positif dan membentuk sikap serta tingkah laku yang baik agar untuk kehidupan yang aman dan harmoni (Pala 2011). Pelajar-pelajar yang menunjukkan sikap dan tingkah laku yang baik menggambarkan kejayaan institusi berkenaan membudayakan nilai dan etika universal. Pendidikan untuk membina karakter yang baik boleh dilaksanakan sama ada secara langsung dan tidak langsung. Dalam KPPB, pemerolehan nilai untuk membentuk karakter pelajar boleh diperhatikan sepanjang pelajar menjalankan aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Nurhijrah et.al., (2020) mengenai meneroka kemahiran pembelajaran bermakna menerusi kajian lapangan mendapati pelajar dapat membina karakter melalui tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan bagi menjayakan program berkenaan. Pelajar menunjukkan sikap bertanggungjawab, disiplin, toleransi, bekerjasama, keyakinan selain memperoleh kemahiran mengurus dan memimpin.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini boleh dijadikan satu penanda aras dalam melaksanakan KPPB secara menyeluruh dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Para pendidik amnya perlu mendalami dan menguasai pendekatan baharu ini supaya corak pengajaran yang dilaksanakan relevan dan berkualiti dalam menghasilkan siswa guru yang kompeten pada abad ini. Pendekatan ini juga dilihat lebih sistematik kerana mempunyai prosedur dan prinsip-prinsip tertentu ke arah memastikan matlamat pembelajaran bermakna dapat dicapai oleh para siswa guru. Oleh kerana kajian ini hanya berfokus kepada meninjau tahap implikasi KPPB terhadap pementapan kepimpinan para siswa guru di Institut Pendidikan Guru Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu sahaja, disarankan juga kajian ini diperluaskan lagi kepada saiz sasaran yang lebih besar ke seluruh 27 kampus Institut Pendidikan Guru Malaysia supaya menghasilkan generalisasi dalam penemuan kajian. Skop kajian juga boleh dipelbagaikan kepada aspek-aspek lain dalam KPPB seperti aspek kesan "BIG IDEA" kepada proses pembelajaran siswa guru dan pentaksiran KPPB dalam menilai kebolehan 6C siswa guru (Kompetensi Kemahiran Pembelajaran Bermakna).

KESIMPULAN

Keunikan Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) adalah daripada penggabungan disiplin ilmu melalui proses merungkai dan merangkai dan mereka

bentuk semula kurikulum agar pembelajaran siswa guru menjadi lebih meluas dan mendalam untuk menjadikan pembelajaran lebih bermakna kepada siswa guru. Proses pembelajaran siswa guru melalui KPPB mempunyai kekuatan tersendiri yang akhirnya pengalaman yang diperoleh boleh diaplikasikan dalam kehidupan dan semasa bertugas menjadi guru kelak.

KPPB boleh dikatakan sebagai satu model pedagogi yang kontemporari sesuai dengan era digital sekarang. Dengan pemanfaatan digital, anjakan paradigma yang membawa kepada pembelajaran bermakna akan berlaku di mana siswa guru bukan lagi hanya menguasai ilmu yang disiswa guru secara pasif, tetapi mereka dapat menggunakan ilmu tersebut untuk meneroka dan mencipta pengetahuan dan kemahiran baharu bagi menyelesaikan masalah di dalam kehidupan hariannya. Tambahan lagi, pembelajaran bermakna juga bermaksud proses memperoleh enam kompetensi global 6C turut berlaku. Justeru, pendekatan memperkasakan KPPB untuk pedagogi bermakna dilihat amat signifikan dengan misi IPGM iaitu melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf bagi mencapai visi IPG Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Guru.

RUJUKAN

- Ahmad, N. L., Looi, S. S., Ab Wahid, H., & Yusof, R. (2019). Kepentingan amalan pengajaran dan pembelajaran abad 21 terhadap pembangunan siswa guru. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(28), 28-51.
- Bernard Tahim Bael, Suppiah Nachiappan & Maslinda Pungut (2021). Analisis Kesiediaan Guru Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pembelajaran, Pengajaran Dan Pemudahcaraan Abad Ke 21. *MJSSH Online: Volume 5- Issue 1 (January, 2021)*, Pages 100 – 119 e-ISSN: 2590-3691.
- Bilal Khalid Khalaf. (2018). Traditional and inquiry-based learning pedagogy: A systematic critical review. *International Journal of Instruction*, 11(4), 545-564.
- Cresswell, J. W. (2014). *Research Design : Qualitative and Quantitative approaches* (4th ed.).
- Ellyza Karim et al. (2020). 6C Levels among Trainee Teachers upon the Implementation of NPDL in a Teacher Training Institute. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*. www.ijicc.net Volume 11, Issue 11, 2020
- Fullan, M., & Langworthy, M. (2014). *A rich seam: How new pedagogies find deep learning*
- Fullan, M & Langworthy (2013). *Towards a New End: New Pedagogies for Deep Learning*. Collaborative Impact Seattle: Washington, USA
- Layang Ugek & Jamaludin Badusah. (2018). Amalan dan masalah pengajaran literasi bahasa guru bahasa melayu ketika mengajar murid Penan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2): 25-38. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/12595/1/176-339-1-SM.pdf>
- Lili Dong. (2020) Review of and Suggestions for the Global Partnership Project of New Pedagogies for Deep Learning. *Journal of Teacher Education*, 7(3): 29-39.
- Lynch, R & McNamara, P.M (2012) Promoting deep learning in a teacher education programme through self- and peer-assessment and feedback. *European Journal of Teacher Education* 35:2 , 179-197.

- Mashira Yahaya, Rusyati Hanafiah, Nor Sazila Zakaria, Rohana Osman & Khairul Anuar Bahrin. (2019). Amalan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru-guru sekolah rendah. *Jurnal IPDA*, 26, 13-24.
- McEachen, J. (2017). *Assessment for Deep Learning*. Ontario, Canada: Fullan, M., McEachen, J., & Quinn, J. *New Pedagogies for Deep Learning: A Global Partnership* Retrieved: <http://teachingliterature.pbworks.com/w/file/135692085/Assessment-for-Deep-Learning.pdf>.
- Min, C. O. & Mohammad Tahir Mapa.(2021). Pembelajaran berasaskan projek dalam mata pelajaran Geografi. *GEOGRAFIA Online TM Malaysian Journal of Society and Space*, 17 (1), 268-289.
- Nurhijrah Zakaria, Mohamed Ali Haniffa & Hasnul Hadi Tengah (2020). Pembangunan Kompetensi Global Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Di Malaysia Bagi Mendepani Cabaran Pendidikan Era Revolusi Industri. Satu Kajian Kes . *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)* Vol. 4 Special Issue 1.
- Nurmelda Patric & Roslinda Rosli. (2020). Pengetahuan pedagogi dan isi kandungan guru opsyen Matematik dalam pengajaran topik pecahan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2 (1), 92-101.
- O'Brien, C., & Murray, S. E. (2015). Sustainable wellbeing, creativity and innovation. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 2(1).
- Pala, Aynur (2011). The need for character education. *International Journal Of Social Sciences And Humanity Studies* Vol 3, 23-32.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Fatimah Sahida Abdurajak.(2018). Pengalaman pengajaran guru novis pendidikan islam: implikasi terhadap reka bentuk kurikulum latihan pendidikan guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1): 59-66. Retrieved from <http://eds>.
- Viczko ,M & Tascon, C (2016). Performing Internationalization of Higher Education in Canadian National Policy. *Canadian Journal of Higher Education* 46(2):1-18
- Zhaffar, N. M., Kamaruzaman, M. A. S., & Kamarzaman, M. H. (2022). Penggunaan Model Pengajaran Al-Ghazālī dalam Konteks Pengajaran Berfikir Kritis. *Islamiyyat*, 44, 71-83.
- Zaharuddin dan Salma. (2020). Tahap Kefahaman Dan Penerapan Elemen Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) Terhadap Pentaksiran Kerja Kursus Dalam Kalangan Pensyarah IPG, Kolokium Aktiviti Kesarjanaan 2020 Peringkat Kebangsaan, IPG Kampus Sultan Mizan Besut, Terengganu, 26-28 Oktober 2020